

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM [BALING]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sejauh manakah status semasa pelaksanaan inisiatif Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 dalam membasmi kadar kemiskinan khususnya di daerah Baling.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018 – 2023 (PHPLB) menggariskan sebanyak **enam (6) Teras** iaitu **Prasarana, Ekonomi, Keusahawanan, Modal Insan, Wanita dan Sistem Penyampaian**. Sebanyak **29 Strategi** dan **94 Program** telah dirancang bagi tempoh **lima (5) tahun** yang dijangka akan memberi manfaat kepada seramai **7.89 juta penduduk luar bandar**.

Antara inisiatif yang dirancang dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sepanjang Tahun 2019 bagi membasmi kadar kemiskinan di daerah Baling seperti berikut:

Pelaksanaan **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)** sebagai salah satu *touch point* utama KPLB untuk menjaga kesejahteraan dan membasmi kemiskinan melalui **Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)**, di mana sebanyak **58 unit PPRT** dengan peruntukan sebanyak **RM1.098 juta** sedang dalam

pelaksanaan yang akan memberi manfaat kepada seramai **290 isi rumah**. Selain itu, di bawah SPKR juga, KPLB turut memberi bantuan secara *one-off* dalam bentuk peralatan dan latihan melalui **Program Peningkatan Pendapatan (PPP)** kepada seramai **16 penerima** dengan peruntukan sebanyak **RM100 ribu**.

Pelaksanaan Program Desa Harapan di Kg. Weng, Baling, Kedah merupakan salah satu inisiatif KPLB dengan kerjasama di antara sektor swasta dan korporat sebagai rakan strategik yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat luar bandar melalui proses pembangunan desa berdasarkan konsep *Corporat Social Responsibility* (CSR). Program ini akan memberi peluang kepada masyarakat luar bandar untuk meningkatkan sumber aktiviti ekonomi melalui perkongsian strategik dengan syarikat swasta dan korporat.

Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan dan sedang dalam tindakan pelaksanaan oleh rakan strategik seperti Program Latihan Keusahawanan Digital oleh Axiata Berhad, Bengkel Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembuatan Baja Kompos oleh tenaga pakar dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Program Latihan Jahitan oleh Sri Kandi Skill College (Siti Khadijah Holding Sdn. Bhd.) melalui sumbangan 18 buah mesin jahit dari Berjaya Corporation Berhad.

Salah satu inisiatif baharu yang telah dirancang untuk jangka masa panjang adalah memberi **tumpuan kepada pembangunan di daerah Baling yang dikategorikan sebagai daerah termiskin**. Tumpuan pembangunan bukan sahaja kepada pembangunan infrastruktur luar bandar semata-mata, malahan KPLB turut akan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan dan ekonomi.

Selain itu, KPLB melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut melaksanakan pelbagai **program pembangunan keusahawanan**, di mana pelaksanaan program ini adalah bertujuan memberi manfaat kepada penduduk di daerah Baling untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dengan secara tidak langsungnya juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

NO. SOALAN : 16

Misalnya melalui **Program Pembiayaan Perniagaan**, MARA menyasarkan seramai **24 usahawan** dengan peruntukan sebanyak **RM1.471 juta** akan mendapat manfaat ke arah peningkatan tahap keusahawanan dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Manakala, seramai **63 usahawan** dengan peruntukan sebanyak **RM91 ribu** akan memperoleh manfaat melalui pelaksanaan **Latihan Pembangunan Usahawan Berstruktur** yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan bagi menjadi berdaya maju dan bersaing ke peringkat yang lebih tinggi serta seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan kebergantungan kepada pihak Kerajaan.

Sehubungan itu, KPLB amat yakin bahawa melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif di dalam PHPLB ini akan dapat meningkatkan taraf kualiti hidup masyarakat selain memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah khususnya penduduk luar bandar.

Sekian, terima kasih.